

Nama : _____

Baca petikan di bawah dengan sebutan dan intonasi yang betul. Selain itu, beri perhatian kepada tanda bacaan.

Tajuk : Berkelah

Hari ini Talib dan keluarganya hendak berkelah. Pagi-pagi lagi dia sudah bangun. Emak Talib sibuk menyediakan nasi, lauk, roti, minuman, buah-buahan dan lain-lain. Ayahnya pula membersihkan dan memeriksa enjin kereta sebelum bertolak.

Tepat jam 7.30 pagi, mereka pun bertolak. Ayah Talib memandu kereta dengan dengan berhati-hati. Tidak lama kemudian mereka pun sampai di Pantai Tungku. Ayahnya meletakkan keretanya di bawah sepohon pokok ru. Emak Talib pula mengeluarkan dan meletakkan bekalan di atas sehelai tikar. Talib gembira dan terus berlari ke pantai.

Di pantai sudah ramai orang. Ada yang bermain baling bola, ada yang berenang, ada yang main kejar-kejaran dan ada yang duduk sambil mendengar radio. Talib kemudian, meminta izin kepada ayahnya untuk mandi. Setelah diizinkan, dia pun mandi. Ayah dan ibunya berjalan-jalan sambil memerhatikan Talib.

Pukul 11.30 pagi mereka berehat dan makan. Selepas makan, ayahnya menyuruh Talib untuk membersihkan sisa

makanan dan membuang sampah ke tempat yang disediakan.
Mereka pulang ke rumah pada pukul 1 petang.

Jawab soalan-soalan ini.

1. Siapakah yang hendak berkelah?

- a. Ayah dan ibu Talib
- b. Talib Bersama ibu dan bapanya
- c. Ibu dan Talib

2. Apakah bekalan yang disediakan oleh emak Talib?

- a. Nasi, lauk, roti, minuman dan buah-buahan
- b. Tuala, surat khabar dan radio
- c. Coklat, gula-gula dan minuman

3. Apakah yang dibuat oleh emaknya apabila sampai di pantai?

- a. Menggeluarkan buku
- b. Menggeluarkan baju
- c. Mengeluarkan bekalan

4. Apakah yang dilakukan oleh Talib sebelum mandi?

- a. Dia meminta wang
- b. Dia meminta izin
- c. Dia meminta nasi

5. Apakah yang dibuat oleh Talib selepas makan?

- a. Membersihkan sisa makanan
- b. Membersihkan Kawasan pantai
- c. Membersihkan kereta

Pilih sinonim (kata seerti) di dalam petak dan masukkan ke tempat kosong yang disediakan.

taruh	banyak	bapa
ibu	kutip	awas

- 1. Emak sama erti dengan _____.
- 2. Hati-hati sama erti dengan _____.
- 3. Paman sama erti dengan _____.
- 4. Ayah sama erti dengan _____.

5. Pungut sama erti dengan _____.

6. Letak sama erti dengan _____.

Disediakan oleh:

Cikgu Faridah binti Haji Japarali

